



Warga UMP sambut Maulidur Rasul

Hampir seribu warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) berarak berselawat memuji keperibadian Rasullullah S.A.W sempena sambutan Majlis Maulidur Rasul tahun 1436H bertempat di UMP Kampus Gambang pada 21 Januari 2015 yang lalu.

Perarakan diketuai oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim diiringi pengurusan tertinggi bersama 20 kontingen dari pelbagai jabatan dan fakulti di UMP serta pelajar dari Maahad Tahfiz Al-Anwarul Tanzil al-Thmaniah yang berarak sejauh 1.2 kilometer bermula dari Masjid UMP ke Kompleks Sukan UMP.

Turut sama berarak Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie dan Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN), Dr. Mahyuddin Ismail.

Dalam ucapannya, Dato' Dr. Daing Nasir berkata, perhimpunan ini merupakan manifestasi kecintaan kita kepada Nabi

Muhammad S.A.W di samping menunjukkan komitmen dalam menjunjung kesepaduan dan kesatuan umat Islam bagi mempertahankan agama yang suci ini.

"Sambutan pada hari ini turut berlangsung dalam suasana negara dan umat Islam masih berduka dengan musibah banjir yang melanda beberapa negeri baru-baru ini.

"Ia merupakan satu ujian besar buat mangsa-mangsa yang terlibat malahan di pihak UMP turut membantu

dalam menyelaras bantuan sukarelawan dan kemanusiaan kepada mereka.

"Pada masa yang sama, umat Islam di seluruh negara turut diuji dengan peristiwa penghinaan terhadap Nabi Muhammad S.A.W Insiden Charlie Hebdo di Perancis baru-baru ini merupakan satu pengajaran besar kepada dunia.

"Namun ujian yang datang ini merupakan peringatan daripada Allah s.w.t untuk kita lebih cakna terhadap perjuangan memelihara kesucian Islam dengan penuh kesederhanaan," katanya.

Dengan tema 'Perpaduan Nadi Transformasi Negara,' perkataan transformasi ini tidak hanya merujuk kepada perubahan pembangunan fizikal, tetapi juga penghijrahan diri kita untuk menjadi individu yang lebih baik dan warganegara yang lebih bertanggungjawab.

Justeru, perpaduan adalah landasan kekuatan umat Islam untuk menghadapi pelbagai cabaran yang ada pada hari ini.

Kestabilan negara Malaysia yang tercinta ini turut bergantung kepada perpaduan umat Islam. Sekiranya perbalahan sesama umat Islam itu berterusan tanpa kesudahan, mana mungkin kesucian agama kita akan dihormati oleh penganut agama yang lain.

Realiti ini seharusnya membuka mata, minda dan jiwa kita untuk menginsafi bahawa masih banyak lagi usaha yang perlu dilakukan bagi memperkasa kedudukan Islam di negara ini.

Katanya, kita selaku umat Nabi Muhammad S.A.W, wajarlah kita mengenang perjuangan baginda dalam menyebarkan dakwah Islam ke seluruh alam. Hasil perjuangan tersebut, yang disertai dengan pengorbanan sahabat-sahabat baginda, maka kita dapat mengecapi nikmat iman dan Islam pada hari ini.

Majlis turut diserikan dengan persembahan Dikir Zikir dari kumpulan nasyid UNIC dan ceramah yang disampaikan oleh pendakwah bebas, Ustaz Syed Abdul Kadir al-Jofree. Turut dimeriahkan dengan penyampaian hadiah sempena pertandingan perbarisan dan sependuk terbaik.

Pemenang tempat pertama diterima kontingen Jabatan Pengurusan dan Pembangunan Harta (JPPH), tempat kedua kontingen Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) dan ketiga kontinjen dari Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (JHEAA).

Turut menang kontingen Jabatan Canseleri, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Pejabat Penyelidikan dan Inovasi serta gabungan staf dari Pusat Keusahawanan, Pusat Kesihatan Pelajar, dan Pusat Sukan.